

RANCHAS TV, SMK RANCHA-RANCHA CIPTA SEJARAH DI FESTIVAL TV PSS KEBANGSAAN 2024



Shah Alam, 6 November 2024 – Dewan Karangkrak di Shah Alam hari ini meriah dengan acara Festival TV PSS Kebangsaan 2024, anjuran Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan (BSTP) bersama Sinar Bestari. Festival ini menghimpunkan bakat muda dari seluruh negara yang bersaing dalam pelbagai kategori, termasuk kategori Pengacara TV PSS dan Guru TV PSS.

Acara yang bermula jam 10 pagi itu menyaksikan kemenangan gemilang SMK Ranche-Ranche, dengan pelajar sekolah tersebut, Mohammad Adzharul Afiq Hairul Afizul, dinobatkan sebagai Johan kategori Pengacara TV PSS

sekolah menengah peringkat kebangsaan. Kejayaan ini adalah satu penghormatan kepada usaha gigih pelajar dan guru dalam menghasilkan kandungan yang bermutu dan kreatif untuk penyiaran di Pusat Sumber Sekolah.

Selain itu, SMK Ranca-Ranca juga berjaya meraih gelaran Naib Johan bagi kategori Guru TV PSS Terbaik yang dimenangi oleh Cikgu Sapri bin Idris. Dedikasi dan komitmen beliau dalam membimbing pelajar menghasilkan program televisyen pendidikan yang berkualiti tinggi amat dihargai oleh pihak penganjur. Hadiah telah disampaikan oleh Timbalan Pengarah Sektor Pengintegrasian Teknologi Pendidikan BSTP KPM En Mokhtar Haji Wahid.

“ Alhamdulillah, saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada pihak sekolah, rakan guru, dan pelajar atas sokongan yang diberikan. Kejayaan ini bukan milik saya seorang, tetapi hasil usaha bersama. Semoga pencapaian ini memberi inspirasi kepada kita semua untuk terus memperkasa Pendidikan Sekolah”. Ujar Cikgu Sapri ketika ditanya oleh wartawan Sinar Harian.



Mohammad Adzharul Afiq bin Hairul Afizul Johan Pengacara TV PSS sekolah menengah peringkat kebangsaan 2024



Cikgu Sapri bin Idris, Naib Johan Anugerah Guru TV PSS Terbaik Kebangsaan 2024

Ketua Pengarang Sinar Harian En Zamri Rambli, dalam ucapan beliau, mengucapkan tahniah kepada semua pemenang serta berharap agar festival ini terus menjadi platform utama untuk mencungkil bakat pelajar dan guru dalam bidang penyiaran pendidikan. Festival ini juga menekankan pentingnya penerapan teknologi dan kreativiti dalam pendidikan agar selari dengan keperluan masa kini.

Pengetua sekolah Ustaz Wan Azman bin Wan Awang mengucapkan tahniah kepada Cikgu Sapri Idris dan Mohammad Adzharul Afiq Hairul Afizul atas kejayaan meraih Naib

Johan dalam Guru TV PSS Terbaik dan Johan Pengacara TV PSS Peringkat Kebangsaan. Kejayaan ini membuktikan dedikasi dan komitmen mereka dalam memperkembangkan TV PSS di peringkat kebangsaan. Semoga pencapaian ini menjadi inspirasi kepada rakan-rakan pendidik lain untuk terus berusaha mencapai kecemerlangan dalam bidang pendidikan.

Festival TV PSS Kebangsaan 2024 sekali lagi membuktikan bahawa pusat sumber sekolah bukan sekadar tempat penyimpanan buku, tetapi juga pusat inovasi pendidikan yang mampu mencorak masa depan yang lebih cemerlang.

Berita Oleh : SMK Rancho-Rancho



Barisan pemenang semua kategori di Festival TV PSS Kebangsaan 2024